

31/12/1998

Kejayaan Khalid tidak dihargai?

Ismas Saring

MEMBACA tulisan wartawan hiburan Mokhtar Alias, 'Aktor terbaik jual buku' (Persada Seni, Berita Harian, 26.12.1998), penulis rasa terpenggil menulis dalam ruangan ini.

Oleh kerana 'aktor terbaik' juga penulis, penyair, pelakon dan pengarah teater, maka sesuai tulisan itu diberi respon dalam ruangan Sastera dan Budaya ini.

Pertama, penulis terpenggil dengan tajuk yang amat menarik itu, kerana adalah 'kurang manis' kalau seorang aktor terbaik Asia Pasifik menjual buku (buku yang dikarang, diterbitkan dan dijual sendiri).

Jika tulisan Mokhtar itu diberi tajuk 'Khalid jual Buku', penulis tidak terkilan dan terperanjat. Kerana penulis mengenali Khalid bukan selepas dia menjadi popular selaku pelakon filem/teater, penyair dan pengarah, tetapi lebih daripada itu.

Sehubungan itu, 'Khalid jual Buku', dengan 'Aktor Terbaik jual Buku' jauh bezanya. Kalau Khalid jual buku adalah amalan biasa, tetapi kalau aktor terbaik jual buku, bukan saja memeranjatkan, tetapi sukar diterima, malahan mengaibkan golongan artis.

Sepatutnya, Khalid (gambar) yang terpilih sebagai pelakon terbaik Asia Pasifik dalam Festival Filem Asia Pasifik (FFAP) ke-43, di Taipei baru-baru ini, masih berada dalam kehairahan meraikan kejayaan itu.

Kejayaan Khalid itu tidaklah keterlaluan, jika ia menjunjung martabat negara khususnya di bidang perfileman, sekali gus menaikkan bukan saja nama tetapi maruah karyawan filem Melayu di Malaysia.

Khalid perlu menerima penghormatan sebagaimana Allahyarham Seniman Agung Tan Sri P Ramlee menerima penghargaan penerbitnya, Tan Sri Run Run Shaw, apabila berjaya terpilih Aktor Terbaik Asia menerusi lakonannya dalam filem Anakku Sazali.

Jika bukan Khalid yang memenangi anugerah dan ia dimenangi 'bintang' pujaan golongan tertentu, mungkin sehingga ini sambutan bagi meraikan 'pemenang' itu masih panas dilakukan di sana sini.

Bayangkanlah kalau artis wanita yang jelita memenangnya, gahlah seluruh negara baik dalam radio, televisyen mahupun surat khabar, dan penuhlah mukanya dalam majalah hiburan sensasi menjadi hiasan kulit depannya! Tetapi ini semua tidak terjadi kepada manusia bernama Khalid Salleh?

Mengapa? Tidak wajarkah Khalid menerima sanjungan karyawan filem? Sepatutnya, mereka yang mendabik dada, kononnya merekalah jagoan dalam industri perfileman Melayu, termasuk Finas dan Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) mengadakan majlis meraikan kemenangannya yang menyinar sebagai 'bintang Asia' selepas puluhan tahun kita ketandusan anugerah tertinggi pelakon filem di rantau Asia Pasifik.

Apakah memang sifat budaya Melayu tidak menghargai jasa dan bakti bangsa sendiri, manakala bangsa lain (di luar Malaysia - karyawan filem antarabangsa) mengakui keunggulan Khalid?

Di mana letaknya seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat membeli barangan Malaysia? Dalam hal ini, di mana harga diri karyawan filem yang tidak menghargai jasa bakti kerabatnya - rakyat dan anak tempatannya sendiri?

Mungkin majlis agak besar itu sedang dirancang pihak terbabit seperti Finas atau PFM atau siapa saja yang terbabit dalam industri filem yang mencari 'makan' daripada bidang perfileman.

Penulis tidak bermaksud menyalahkan mana-mana pihak dalam hal ini,

tetapi sebagai `bangsa yang berbudi', karyawan filem kena memikirkan sesuatu sebagai pengiktirafan kepada Khalid yang sudah membuktikan kewibawaannya, dan turut meletakkan industri filem Melayu setaraf dengan rakan mereka di rantau Asia Pasifik.

Mungkin pihak terbabit sedang memikirkan untuk majlis meraikan Khalid (tetapi disebabkan bulan puasa ia ditangguh), namun harapan penulis suatu majlis penghargaan perlu diadakan dan diberi kepada Khalid dalam apa bentuk juapun dalam masa terdekat.

Dalam hal ini, karyawan filem diharap tidak pilih kasih atau mengamalkan diskriminasi dalam mengadakan majlis sambutan/penghargaan. Janganlah kerana yang menang Khalid (mereka kata siapa Khalid?) tetapi jika yang menang bintang popular, akan menerima bukan saja sanjungan, tetapi berjuta jambak bunga sebagai penghargaan.

Berbalik kepada `Aktor Terbaik jual Buku', adalah tidak wajar, tetapi kalau `Khalid jual Buku' adalah biasa, kerana penulis mengenal Khalid sejak 1967 di sebuah kampung di pinggir Kuala Lumpur bernama Semerah Padi.

Di situ kami berkenalan, Khalid baru saja lulus SPM dan datang dari kampungnya di Johor, mengadu nasib di Kuala Lumpur bersama ribuan anak muda lain ketika itu.

Jadi kalau Khalid jual buku adalah biasa, kerana Khalid pernah menjual kacang rebus dan sate bersama penulis. Tanyalah dia sendiri mengenai pengalamannya kena baling kacang rebus pada satu pertandingan bola sepak Piala Malaya di Stadium Merdeka.

Penulis agak beruntung kerana penulis hanya menunggu kacang di luar stadium, sementara yang menjaja di dalam stadium ialah Khalid. Jadi penulis tidak tahu Khalid kena lempar kacangnya sendiri oleh pembeli.

Selepas itu kami beralih kepada perniagaan jual sate di Jalan Sungai Besi, dan terpaksa berhenti disebabkan perkara yang hanya diketahui kami berdua saja.

Maaf kepada Khalid, kerana peristiwa ini diketahui ramai disebabkan penulis mahu masyarakat khususnya karyawan filem mengetahui betapa gigih dan tingginya cita-cita Khalid untuk `negara', dan betapa susah dia untuk mencapai kejayaan itu, yang akhirnya diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tetapi kedudukannya dilekehkan karyawan negara sendiri, sehingga beritanya untuk ke Taipei, pelakon utama filem yang dicalonkan ke FFAP pun kena guna duit sendiri.

Khalid ketika kami kenal, sudah menampakkan bakatnya dalam dunia seni, terutama penulisan puisi. Di samping memberi galakan untuknya terus berusaha, penulis menanamkan semangat, sekiranya dia terus berusaha, akhirnya akan mencapai kejayaan sesuai dengan kata-kata bekas Perdana Menteri British, Sir Winston Churchill: "...try and try again, you'll succeed."

Kami terpaksa berpisah sekitar awal 1969, kerana penulis ditawarkan bekerja di Klang. Khalid salah seorang rakan di Kampung Semerah Padi yang menghantar penulis pindah hingga ke rumah sewa di Jalan Hassan Sungai Udang dan ditemukan kembali sekitar tahun 1978, selepas penulis menjadi wartawan di Berita Harian dan hubungan itu terus kekal hingga kini.

Tujuan tulisan ini bukan hendak membela Khalid kerana penulis mengenalinya. Tetapi penulis tidak rela `mereka' yang berjasa kepada industri perfileman Melayu, dilekehkan seperti watak pengemis dalam filem juga. Kalaupun mereka yang menang itu, tarafnya lebih rendah daripada Khalid, penulis akan lebih terasa jika `mereka' tidak diberi penghargaan oleh karyawan filem.

Penulis sedia menunggu respon daripada mereka yang berkenaan demi kejujuran dan keadilan. Penghargaan dan pengiktirafan kepada pemenang Aktor Terbaik Asia Pasifik 1998 tetap dinantikan.

Siapa yang berani tampil ke depan membuktikan keunggulan perjuangan
karyawan filem selepas diperingatkan begini bagi menepis wujudnya
ketidakjujuran!

(END)